

**GARIS PANDUAN MEMOHON  
POTONGAN DI BAWAH SEKSYEN  
34(6)(*ha*) ACP 1967**

**GARIS PANDUAN MEMOHON POTONGAN DI BAWAH SEKSYEN 34(6)(ha) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 BAGI MAKSUD PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN**

**Tujuan**

Garis panduan ini bertujuan memberi penjelasan berhubung dengan kriteria dan prosedur am permohonan potongan di bawah Seksyen 34 (6)(ha) Akta Cukai Pendapatan 1967 ke atas perbelanjaan bagi projek komuniti yang melibatkan pembiayaan penyediaan infrastruktur yang diluluskan bagi maksud pengiraan cukai pendapatan.

**Kriteria Projek Komuniti Yang Layak**

Bagi tujuan Seksyen 34(6)(ha), projek komuniti yang melibatkan penyediaan infrastruktur yang layak hendaklah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- (i) **projek infrastruktur memberi manfaat ketara kepada orang awam di Malaysia disamping dapat dimanfaatkan bagi tujuan perniagaan;**
- (ii) **infrastruktur disediakan secara sukarela dan tidak disyaratkan oleh pihak berkuasa di bawah sesuatu peraturan. Misalnya pembinaan infrastruktur berupa pembinaan jalan raya, jambatan atau jejantas dilakukan oleh syarikat secara sukarela dan bukan yang disyaratkan oleh pihak berkuatkuasa;**
- (iii) **kemudahan infrastruktur ini adalah untuk orang awam;**
- (iv) **orang awam tidak dikenakan bayaran atas penggunaan infrastruktur ini; dan**
- (v) **projek yang dilakukan bukan dalam lingkungan premis perniagaan.**

**Pihak Yang Layak Disalurkan Pembiayaan Penyediaan Infrastruktur**

- (i) **Penyumbang hendaklah terlebih dahulu mendapat **kelulusan** daripada badan Kerajaan yang bertanggungjawab meluluskan projek (jika perlu) yang hendak dibiayai. Misalnya pembinaan jalan raya atau jejantas memerlukan kelulusan Jabatan Kerja Raya dan Majlis Daerah atau Dewan Bandaraya.**



- (ii) Penyumbang hendaklah mendapat surat menentusahkan kos projek daripada Jabatan/agensi Kerajaan yang berkaitan yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan berserta dengan cop rasmi Jabatan berdasarkan format seperti di Lampiran I.

#### **Prosedur Am Memohon Kelulusan Menteri Kewangan**

Penyumbang hendaklah memohon kelulusan mendapat potongan daripada YB. Menteri Kewangan secara bertulis dengan mengemukakan maklumat berdasarkan format di Lampiran II.

Pemohonan yang lengkap dikemukakan kepada:

Setiausaha  
Bahagian Analisa Cukai  
Perbendaharaan Malaysia  
Tingkat 6&7, Blok Tengah, Kompleks Kementerian Kewangan  
Precint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62592, Putrajaya.

#### **Prosedur Menikmati Potongan Cukai Dari Lembaga Hasil Dalam Negeri**

Tuntutan ke atas potongan bagi projek komuniti yang melibatkan pembiayaan infrastruktur telah diluluskan hendaklah dibuat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran yang berkenaan. Dokumen berikut hendaklah disimpan dengan baik untuk tujuan audit oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri:

- (i) surat kelulusan asal oleh YB. Menteri Kewangan ;
- (ii) surat pengesahan nilai perkhidmatan / nilai kos projek daripada agensi Kerajaan berkaitan.

#### **Tarikh Kuatkuasa**

Mulai tahun taksiran 2008.

Bahagian Analisa Cukai  
Perbendaharaan Malaysia